

Sanusi pertahan kerusi Dewan Undangan Negeri

16

12 NOV 1999

LANGKAWI 11 Nov. — Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid berkata, beliau tidak akan bertanding kerusi Parlimen tetapi sebaliknya mahu mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri Kuah, Langkawi, pada pilihan raya umum ini.

Kenyataan Sanusi itu sekali gus menamatkan spekulasi bahawa beliau akan dicalonkan untuk bertanding kerusi Parlimen.

Bagaimanapun, kedudukan beliau masih tertakluk kepada persetujuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Saya tidak akan bertanding Parlimen. Saya duduk Langkawi untuk bertanding kerusi negeri,” katanya kepada pemberita di si-

ni hari ini selepas menda-pat perkenan Sultan Kedah di Hotel Datai untuk pembubaran Dewan Undangan Negeri.

Sanusi memperoleh 5,436 undi untuk memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri Kuah pada pilihan raya umum tahun 1995 dengan menewaskan calon Semangat 46, Yusof Abdullah dengan majoriti 4,162 undi.

Ditanya sama ada beliau akan menyambung semula tugas sebagai Menteri Besar apabila Barisan Nasional (BN) menang, Sanusi menjawab, ‘Insya-Allah.’

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kedah itu berkata, beliau belum lagi mengemukakan senarai calon kepada Dr. Mahathir.